



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270


Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (26)
Tarikh : 25 Jun 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Tan Sri,


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
25/6

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 24/2021 (13 Jun hingga 19 Jun 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengaroh Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 24/2021 dari 13 Jun hingga 19 Jun 2021)

Pada minggu ke-24, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 107 kes (19.1%), menjadikan jumlah kes 666 berbanding 559 kes pada minggu sebelumnya. Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-24. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 12,854 kes berbanding 50,511 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 74.6% (37,657 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak sembilan (9) kematian berbanding 88 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 79 kematian (89.8%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak enam (6) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-24 berbanding lima (5) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan lima (5) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor manakala satu (1) lokaliti hotspot lagi berada di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.


Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 47 kes pada minggu ke-24 yang mana 27 kes dari WPKL & Putrajaya, masing-masing enam (6) kes dari Kedah dan Perak, tiga (3) kes dari Kelantan, masing-masing dua (2) kes dari Selangor dan Melaka serta satu (1) kes dari Johor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 659 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 742 sampel darah dan 21 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Selama lima (5) minggu berturut-turut bermula pertengahan bulan Mei 2021, kes Demam Denggi di negara menunjukkan tren peningkatan yang menyerupai tren tahun-tahun sebelumnya. Faktor cuaca seperti kelembapan udara, taburan hujan dan suhu mempengaruhi kejadian Demam Denggi. Namun begitu, terdapat faktor di bawah kawalan manusia seperti kebersihan persekitaran dan penghapusan tempat pembiakan dapat mengawal kejadian kes Demam Denggi. Oleh itu, setiap individu perlu memastikan tiadanya tempat pembiakan Aedes di premis masing-masing dengan meneruskan aktiviti cari dan musnah. Gunakan semburan aerosol untuk mengurangkan populasi nyamuk di persekitaran kita. Jaga diri dan komuniti dari ancaman bahaya Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


29 Jun 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 23 dan ke- 24 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 24 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-24 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 24/2021
(13 Jun hingga 19 Jun 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 24/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 24/2020	
		Minggu 24 (13 Jun – 19 Jun 2021)		Minggu 23 (6 Jun – 12 Jun 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	9	0	27	0
2	Kedah	21	0	13	0	222	0	432	0
3	P. Pinang	2	0	12	0	217	0	410	1
4	Perak	18	1	12	0	300	1	1,886	3
5	Selangor	419	0	347	1	7,397	2	28,542	28
6	WP KL & Putrajaya	94	0	68	0	1,447	1	5,336	5
7	N. Sembilan	11	0	13	0	312	1	1,358	5
8	Melaka	6	0	13	0	383	0	1,103	5
9	Johor	36	0	26	0	1,149	1	4,617	19
10	Pahang	11	0	7	0	258	1	1,322	4
11	Terengganu	1	0	3	0	21	0	200	0
12	Kelantan	4	0	2	0	105	0	1,765	4
13	Sarawak	7	0	4	0	212	0	1,065	2
14	Sabah	36	0	39	1	818	2	2,443	12
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	MALAYSIA	666	1	559	2	12,854	9	50,511	88

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 24/2021
(13 Jun hingga 19 Jun 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	33	83
2	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah B(Blok 62-70)	8	47
3	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 5, Bandar Teknologi	9	46
4	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT 3 Blok (G,H)	6	32
5	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Prima Cempaka	6	31
6	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U3 (Flat Subang Perdana Blok A-D)	4	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 24/2021 (19 Jun 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	4	69
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	22	
		Tangkak	37	
2.	Kedah	Baling	4	94
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	62	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	16
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	9	
4.	Melaka	Alor Gajah	3	22
		Melaka Tengah	19	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	1	1
6.	Perak	Kinta	7	157
		Kuala Kangsar	29	
		Larut Matang & Selama	25	
		Manjung	96	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	26	37
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	2	
8.	Selangor	Gombak	7	85
		Hulu Langat	24	
		Klang	50	
		Petaling	1	
		Sepang	3	
9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	28	178
		Kepong	81	
		Lembah Pantai	23	
		Titivangsa	46	
JUMLAH KUMULATIF			659	

